

From: Sekretariat Media MBPJ/MBPJ
To: Media All MBPJ, Media News MBPJ

Date: Tuesday, October 20, 2015 09:31AM
Subject: KENYATAAN AKHBAR TAPAK BAZAR DEEPAVALI MBPJ 2015

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (40)
 Tarikh: 19 Oktober 2015

KENYATAAN AKHBAR

TAPAK BAZAR DEEPAVALI MBPJ 2015

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah meluluskan petak permit bazar Deepavali bagi tahun 2015 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pelesenan bertarikh 4 September 2015 dan di sahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 30 September 2015. Bazar ini akan beroperasi pada 10 September 2015 sehingga 9 November 2015

1. Penjualan borang Bazar Deepavali telah dijual kepada semua lokasi-lokasi yang telah diluluskan pada 15 September 2015 . Berikut adalah lokasi yang telah diluluskan, bilangan borang, petak dan lesen yang telah dikeluarkan .

BIL	LOKASI YANG DILULUSKAN	BILANGAN BORANG YANG DIJUAL	BIL PETAK	LESEN PERMIT YANG TELAH DIKELUARKAN
1.	* Jalan SS9A/12, Sg. Way, Petaling Jaya	* 52	26	12
2.	Pasar Jalan Othman	18	18	18
3.	Jalan PJU 10/3A, Damansara Damai	2	18	0

- * Penjualan pertama adalah pada 15 September 2015 dan penjualan kali ke dua adalah pada 29 September 2015

2. Pada 7 Oktober 2015 Majlis telah menerima memorandum daripada Ahli Majlis berkenaan isu bazar Deepavali di Jalan SS9A/13, Sg. Way, Petaling Jaya .
3. Majlis membuat keputusan meluluskan lokasi bazar Deepavali di SS9A/13, Sg. Way Petaling Jaya . Setelah mempertimbangkan beberapa faktor seperti berikut :

3.1 Memorandum diterima daripada majoriti Ahli Majlis

3.2 Bertujuan menjaga kebajikan penjaja-penjaja India

4. Peniaga-peniaga yang berminat untuk berniaga di kawasan Jalan SS9A/13, Sg. Way Petaling Jaya boleh membuat permohonan seperti syarat-syarat berikut:

A) SYARAT PERMOHONAN

- i) Borang boleh dibeli dengan mengemukakan Kad Pengenalan pemohon sahaja.
- ii) Seorang hanya layak mendapatkan satu borang sahaja.

B) PEMOHON PERLU MENANDATANGANI AKUJANJI IAITU:

- a. Khemah bersaiz 10' x 10' kaki
- b. Khemah dibuka sebaris sahaja seperti syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- c. Peniaga-peniaga perlu melantik RELA untuk mengawal lalulintas. (sekurang-kurangnya tiga orang pada setiap masa)

5. PENGUATKUASAAN

5.1 Majlis tidak akan teragak-agak untuk membatalkan permit dan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya pemegang permit melanggar syarat-syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat permit penaja sementara Deepavali Majlis Bandaraya Petaling Jaya

6. Borang bagi petak bazar Deepavali di lokasi **Jalan SS9A/13, Sg. Way** boleh didapati mulai **20 Oktober 2015** dan **pemulangan borang** perlu dibuat dengan **serta merta**

7. Kadar **fi lesen** adalah seperti berikut

IL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Bayaran permit sepetak	30.00
2.	Bayaran kutipan sampah	50.00
3.	Borang	5.00
4.	Caj proses permit	10.00
5.	* Bayaran sewa petak harian (Kawasan SS9A/13, Sg. Way – jika melibatkan petak letak kereta MBPJ)	400.00

8. Bagi lokasi bazar Deepavali di **Jalan SS9A/13, Sg. Way Petaling Jaya** adalah dikekalkan.

Sebarang maklumat dan keterangan lanjut orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pelesenan MBPJ, Tingkat 6 Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya di talian 03-7960 4513 , 03-7960 4667 atau 03-7960 9026.

Sekian.

Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook : Majlis Bandaraya Petaling Jaya , twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695